

01 NOV 2003

Koh-Abdullah

BN P.PINANG JANJI KEMENANGAN BESAR SEBAGAI SOKONGAN KEPADA ABDULLAH

PULAU PINANG, 1 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang akan berusaha gigih bagi memastikan kemenangan yang lebih besar pada pilihan raya akan datang sebagai bukti bahawa rakyat negeri ini memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, BN akan memastikan rakyat di seluruh negeri memberi sokongan padu bagi Abdullah.

"Pak Lah bukan sahaja pemimpin negara malah beliau juga adalah pemimpin NAM (Pergerakan Negara-negara Berkecuali) dan juga OIC (Pertubuhan Negara-negara Islam) dan kita akan memberi sokongan padu kepada Pak Lah," katanya ketika berucap pada majlis menyambut kepulangan Abdullah sebagai Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini, hari ini.

Beliau berkata, rakyat negeri ini juga perlu menyokong penuh kepimpinan Abdullah bagi mengharungi perjuangan untuk merealisasikan wawasan negara yang dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah adalah pemimpin kelahiran negeri ini yang cukup sabar, komited, tegas dalam prinsip dan pegangan serta dapat mengatasi dan menghadapi pelbagai ujian terhadapnya.

Koh juga berkata, rakyat di negara ini bertuah kerana pertukaran kuasa dan perubahan pucuk kepimpinan negara berlaku secara teratur serta dipersetujui oleh semua pihak.

Beliau berkata, seluruh rakyat juga berkeyakinan bahawa Abdullah akan menyambung tradisi cemerlang dan memantapkan lagi keutuhan negara yang diasaskan oleh keempat-empat Perdana Menteri terdahulu.

Kira-kira 30,000 orang dari pelbagai lapisan masyarakat berhimpun dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas serta berbaris di sepanjang jalan menuju ke Jambatan Pulau Pinang bagi menyambut kepulangan Abdullah buat pertama kali selepas mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri semalam.

Abdullah kemudiannya bersalaman dengan orang ramai di kawasan terminal lapangan terbang itu sebelum menaiki kereta yang diiringi konvoi 1,000 penunggang motosikal dari negeri ini untuk menuju ke rumah ibunya, Datuk Kailan Hassan di Jalan Perak, Kepala Batas.

Sementara itu, Menteri Penerangan yang juga Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob yang turut menyertai sambutan kepulangan Abdullah itu memberitahu pemberita, Kementerian akan terus memperhebatkan program yang menyampaikan mesej penting kepada rakyat mengenai pembangunan negara.

Katanya, hari ini, Radio Televisyen Malaysia (RTM) juga menyiarkan siaran langsung mengenai kepulangan Abdullah ke Pulau Pinang bagi memberi peluang kepada rakyat di seluruh negara mendengar ucapan dan amanat yang disampaikan Perdana Menteri itu.

-- BERNAMA

AZE SA ZS PR